

Keputusan selaras dengan Keturunan

31/12/87
SEREMBAN, Rabu — Ketua-ketua adat daripada Cerak di Darat dan di Air hari ini menjelaskan bahawa keputusan yang mereka capai dalam kerapatan Isnin lalu adalah selaras dengan Salasilah Keturunan Waris Negeri Berkembar di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Jurucakap mereka, Datuk Seri Amar Menteri Haji Kahar Sikin, berkata pihaknya juga tidak sama sekali berniat untuk mengelirukan anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, beliau menjelaskan Cerak Waris Negeri di Darat dan di Air berasal dari satu keturunan, iaitu Bendahara Skudai yang beristerikan Batin Sibujaya.

"Bendahara Skudai dan Batin Sibujaya mempunyai empat anak iaitu dua lelaki, Tok Jebat dan Tok Musang serta dua perempuan Tok Semurga dan Tok Seri Mani. Keturunan Tok Jebat dan Tok Musang mewarisi pesaka Penghulu Luak Sungai Ujong

yang kini dikenali sebagai Datuk Kelana (Undang).

"Keturunan Tok Semurga pula mewarisi pesaka Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong manakala keturunan Tok Seri Mani mewarisi pesaka Datuk Andika Mendellika selaku Lembaga Tua Tiang Balai Luak ini.

"Tok Jebat mempunyai tiga anak perempuan iaitu Tok Mengkudu dan Tok Dorani, yang keturunan mereka dikenali sebagai anak-anak Waris Hilir Perut Kampung Manggis. Seorang lagi anaknya ialah Tok Dara Mudik, yang keturunannya dikenali sebagai anak-anak Waris Perut Ulu atau Waris Telaga Undang," jelasnya.

Waris Hilir

Datuk Seri Amar Menteri Haji Kahar berkata, Tok Musang pula mempunyai dua anak, seorang lelaki bernama Penghulu Selat dan seorang perempuan bernama Tok Mengkudu, yang

keturunannya dikenali sebagai anak-anak Waris Hilir Perut Kampung Gedang.

Mengenai dakwaan pengamal-pengamal adat bahawa Jurai Telaga Undang tidak diiktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, beliau berkata, perkara itu tidak timbul sama sekali kerana pemilihan semua Undang sebelum ini dibuat berdasarkan kepada Jurai berkenaan.

Sehubungan ini, beliau meminta pengamal-pengamal adat berkenaan supaya mengemukakan bukti bagi menyokong dakwaan mereka untuk mengelakkan kemungkinan timbulnya sebarang salah-faham yang tidak diingini.

"Kami tidak pernah membuat keputusan menyentuh urusan pentadbiran adat mengikut sesuka hati kami sahaja. Sebaliknya, kami merujuk kepada bukti-bukti sahih khususnya Jurai Telaga Undang Luak Sungai Ujong," katanya.